

14 MAY 2003

Samy-Sekolah

BANGUNAN BARU UNTUK SJKT JALAN TEPI SUNGAI

KLANG, 14 Mei (Bernama) -- Bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Tepi Sungai di sini yang berusia 80 tahun akan dirobohkan dan akan digantikan dengan bangunan baru berharga RM900,000.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata siasatan Jabatan Kerja Raya Daerah Klang mendapati bangunan itu hanya boleh digunakan dalam masa enam hingga sembilan bulan sahaja kerana sudah banyak antara bahagiannya dimakan anai-anai.

"Kita akan kaji sama ada akan membina sekolah tiga tingkat dengan 16 bilik darjah dengan kelengkapan lain kerana kawasan seluas 0.73 hektar ini sangat terhad.

"Kerja-kerja projek pembinaan di bawah Jabatan Kerja Raya Daerah Klang boleh dimulakan pada bila-bila masa sahaja sekarang," katanya kepada pemberita selepas melawat sekolah berkenaan di sini hari ini.

Pada 7 Mei lepas, seorang pelajar tahun tiga sekolah berkenaan, M.Hemalatha, 9, tercedera di bahagian dahi selepas ditimpa kayu dan bahagian atap bangunan pentadbiran sekolah berkenaan.

Bekas Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah itu, M.Valiytham dipetik sebagai berkata bangunan sekolah itu yang diperbuat dari kayu tidak lagi selamat dan boleh runtuh pada bila-bila masa kerana sudah dimakan anai-anai.

Samy yang juga Presiden MIC berkata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM400,000 manakala Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah meluluskan RM200,000 bagi pembinaan sekolah itu.

Katanya bagaimanapun jumlah itu masih belum mencukupi dan beliau akan meminta peruntukan tambahan dari kementerian bagi pembinaan sekolah berkenaan, selain memohon sumbangan melalui PIBG dan juga kerajaan negeri.

"Sekiranya kita gagal untuk memohon dari kementerian (pendidikan), perkara ini akan dibawa kepada pengetahuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memohon peruntukan khas pembiayaan pembinaan sekolah itu," katanya.

Beliau berkata projek pembinaan sekolah itu dijangka siap sepenuhnya dalam masa setahun.

Katanya, sementara menunggu bangunan baru sekolah itu siap, murid sekolah berkenaan dicadangkan di sebuah dewan milik Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang terletak berhampiran sekolah itu.

-- BERNAMA

SHS RHM